

**PENGGUNAAN KOMPUTER DI KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

ZALIZA BTE MD YASIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PENGGUNAAN KOMPUTER DI KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

ZALIZA BTE MD YASIN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2008

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	HALAMAN JUDUL	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAHAGIAN SATU

BAB 1

BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	10

1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Skop dan Batasan Kajian	14
1.8	Definisi Istilah	15
1.8.1	Penggunaan	15
1.8.2	Komputer	15
1.8.3	Guru Sekolah Menengah	15
1.9	Kesimpulan	16

BAHAGIAN DUA

BAB II

BAB II	SOROTAN KAJIAN	17
---------------	-----------------------	-----------

2.1	Pengenalan	17
2.2	Kepentingan Komputer Dalam Pendidikan	18
2.3	Peranan Komputer Dalam Pendidikan Di Malaysia	19
2.4	Kajian Terdahulu Tentang Penggunaan Komputer	19
2.5	Penggunaan Komputer Dalam Aspek Pengurusan Di Sekolah	21
2.6	Masalah Penerimaan Teknologi Maklumat Di Kalangan Guru	22
2.7	Masalah-Masalah Penggunaan Komputer	24
2.7.1	Bekalan CD Software Di Sekolah	24
2.7.2	Laptop, LCD dan Troli	26
2.7.3	Penggunaan Makmal Komputer	27
2.7.4	Network dan Perisian Komputer	28

2.7.5	Sikap Pentadbir	29
2.7.6	Persediaan Guru	30
2.8	Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Komputer	31
2.9	Kesimpulan	33

BAHAGIAN III

BAB III

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	34
----------------	--------------------------	-----------

3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Populasi Kajian	36
3.4	Sampel Kajian	36
3.5	Instrumen Kajian	38
3.6	Kajian Rintis	40
3.7	Analisis Data	40
3.8	Jangka Masa Kajian	41
3.9	Kesimpulan	43

BAHAGIAN IV

BAB IV

BAB IV	ANALISIS DATA	44
---------------	----------------------	-----------

4.1	Pendahuluan	44
4.2	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden	44
4.2.1	Analisis Data Mengikut Umur	45

4.2.2	Analisis Data Mengikut Jantina dan Keturunan	46
4.2.3	Analisis Data Mengikut Status	47
4.2.4	Analisis Data Mengikut Kelulusan Ikhtisas	48
4.2.5	Analisis Data Mengikut Pengalaman Mengajar	48
4.2.6	Perkaitan Antara Pengalaman Mengajar Dengan Kursus Komputer Yang Dihadiri	49
4.2.7	Analisis Data Bilangan Kursus Komputer Yang Pernah Dihadiri	50
4.3	Analisis Deskriptif Kekerapan Menggunakan Komputer	51
4.4	Analisis Terhadap Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru	52
4.5	Analisis Sejauh Mana Guru Menggunakan Komputer Untuk Membantu Proses Pengajaran dan Pembelajaran	56
4.6	Analisis Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Dalam Penggunaan Komputer	58
4.7	Analisis Soalan Terbuka Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Dalam Penggunaan Komputer	60
4.8	Kesimpulan	61

BAHAGIAN LIMA

BAB V

BAB V	PERBINCANGAN	62
5.1	Pengenalan	62
5.2	Ringkasan Kajian	62
5.3	Perbincangan Kajian	64
5.3.1	Tahap Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru	64
5.3.2	Sejauh Manakah Guru Menggunakan Komputer Untuk Membantu Proses Pengajaran dan Pembelajaran	66
5.3.3	Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru- Guru Dalam Penggunaan Komputer	68
5.4	Penggunaan Komputer Oleh Guru Di Sekolah Gred A dan Sekolah Gred B	69
5.5	Penyelesaian Terhadap Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru	70
5.6	Rumusan Kajian	71
5.7	Cadangan	72
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	74
5.9	Kesimpulan	74

BAHAGIAN ENAM

RUJUKAN

RUJUKAN	75
----------------	-----------

BAHAGIAN TUJUH
LAMPIRAN

LAMPIRAN	82
A	82
Soal Selidik Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru- Guru Sekolah Menengah Di Daerah Seremban, Negeri Sembilan	
B	88
C	89
Surat Akuan Pelajar UTM	
Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus	
D	91
Surat Kebenaran Bahagian EPRD KPM	

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penggunaan teknologi komputer dalam bidang pendidikan bukanlah sesuatu yang baru, malah telah lama diperkenalkan di negara-negara maju seperti Amerika dan Eropah sejak awal tahun 60-an lagi. Malaysia tidak ketinggalan dalam menikmati arus pembangunan yang berasaskan komputer ini. Dalam konteks pendidikan, ia bukan hanya mampu membantu tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran, tetapi berpotensi sebagai alat untuk mengayakan lagi persekitaran pengajaran dan pembelajaran bagi hampir semua mata pelajaran. Penciptaan mikro komputer pada awal tahun 70-an telah memberi kesan yang mendalam kepada penggunaan teknologi tersebut dalam bidang pendidikan di Malaysia (Laslie Taib, 1997).

Di Malaysia, penggunaan komputer di sekolah-sekolah diperkenalkan pada awal tahun 1980-an apabila sekolah menengah menubuhkan kelab komputer (Yusup, 1998). Pada peringkat permulaan komputer dalam pendidikan diperkenalkan sebagai pendidikan secara tidak formal melalui penubuhan kelab-kelab komputer yang dibiayai oleh pihak sekolah sendiri dan juga mungkin daripada sokongan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Walaupun proses pengajaran dan pembelajaran ini diperkenalkan secara tidak formal tanpa kurikulum, tetapi sudah dapat

memperlihatkan kemampuan guru dan murid dalam menghadapi dunia teknologi maklumat melalui program-program yang telah dirancang secara berasingan melalui kelab-kelab komputer.

Satu perkembangan yang amat ketara di dunia masa kini ialah berlakunya ledakan teknologi maklumat. Dengan kemajuan dalam bidang telekomunikasi, komputer yang dihubungkan dengan jaringan internet telah membolehkan banyak maklumat dapat diperoleh dengan cepat. Inovasi dalam bidang teknologi maklumat telah mengubah cara hidup manusia. Perkembangan ini dapat menyebarkan segala maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat (Nik Azis, 1996).

Menurut Abdul Karim (1989), kecekapan pengurusan dilihat dari segi perancangan aktiviti sekolah sepanjang tahun dengan teratur. Menurut Spuck & Atkinson (1983), mikro komputer berupaya menjimatkan masa dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah, terutamanya apabila sekolah berhadapan dengan tugas rutin yang sentiasa bertindih. Pendapat ini disokong oleh Zahri Aziz (1992), yang menyarankan penggunaan komputer dilaksanakan dalam semua bidang termasuklah pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Penggunaan komputer di kalangan guru bukan sahaja dapat memudahkan pengurusan sekolah tetapi juga dapat menyemai minat terhadap komputer di kalangan pelajar.

Menyedari hakikat ini, maka kerajaan Malaysia telah mengorak langkah untuk terus memperkembangkan teknologi maklumat khususnya dengan penggunaan komputer bukan sahaja di rantau ini tetapi di seluruh dunia. Selaras dengan itu, kerajaan mengambil langkah berani menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang merupakan inisiatif ulung kerajaan bagi mengemudi negara Malaysia memasuki era teknologi maklumat.

Sejajar dengan penubuhan ini, penubuhan Sekolah Bestari yang merupakan salah satu aplikasi penting MSC memperlihatkan komitmen Kementerian Pelajaran untuk mentransformasikan pendidikan agar bangsa Malaysia abad ke-21 bukan sahaja dapat

menguasai teknologi maklumat malah berupaya merealisasikan wawasan 2020. Transformasi ini telah menimbulkan satu anjakan paradigma di dalam cara kita berfikir tentang penggunaan teknologi komputer di sekolah.

1.2 Latar Belakang Masalah

Era perkembangan teknologi komputer masa kini mempengaruhi setiap bidang kehidupan. Aspek teknologi komputer telah digabungkan dalam kurikulum sekolah sebagai satu daya usaha ke arah menyemai dan memupuk minat serta sikap yang positif terhadap perkembangan komputer. Budaya persekolahan seharusnya diubah daripada sesuatu yang berdasarkan memori kepada yang berpengetahuan, berpemikiran, kreatif dan penyayang dengan menggunakan teknologi terkini (KPM, 1997). Atas alasan inilah pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia berhasrat untuk mewujudkan Sekolah Bestari yang sekaligus bertindak sebagai agenda perancang dan perlaksana Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor atau MSC). Pelaksanaan Sekolah Bestari akan membuka ruang seluas-luasnya kepada teknologi komputer yang akan membolehkan fleksibiliti dan kepelbagaian dibina dalam sistem pendidikan. Suasana ini akan mengurangkan jurang peluang antara mereka yang berada dan berupaya menggunakan teknologi komputer di rumah, dengan mereka yang kurang berada (KPM, 1997).

Penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan beberapa aplikasi, seperti spreadsheet, multimedia dan internet. Peranan dan penggunaan komputer telah mula dikenal pasti dapat membantu pengurusan dalam sistem pendidikan negara khususnya dalam pelaksanaan proses pengajaran pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah yang secara langsung melibatkan para pendidik, pelajar dan ibu bapa serta ahli masyarakat yang prihatin.

Kajian oleh Martin (1999), terhadap penggunaan komputer dan penerokaan maklumat di kalangan para pelajar sekolah rendah mendapati bahawa, selain daripada semangat belajar secara berkumpulan (*cooperative learning*), para pelajar juga semakin mesra dengan alat teknologi ini dan sentiasa berusaha untuk meneroka alam yang baru ditemui (*virtual reality*). Mereka sentiasa menemui maklumat baru dan bahan-bahan yang amat menarik perhatian. Crow (1980), menyatakan bahawa pembelajaran dalam suasana baru seperti menggunakan komputer di sekolah telah membawa banyak perubahan kepada pelajar. Pelajar didapati lebih mahir membuat kajian dan lebih berfikiran secara kritikal. Walau bagaimanapun, jurang perbezaan sosial ekonomi di kalangan pelajar harus diambil kira semasa pendedahan teknologi komputer dan internet diberikan (Chen, 1986).

George (1996), dalam kajiannya untuk menilai kesan aktiviti komputer ke atas sikap pelajar terhadap komputer telah mendapati bahawa para pelajar amat kagum dan tertarik kepada komputer khususnya internet. Mesej yang dihantar sejauh 25,000 batu jauhnya boleh sampai dalam masa beberapa minit sahaja. Para pelajar juga amat berhati-hati semasa menulis mesej supaya tidak terdapat kesalahan ejaan dan maksudnya boleh difahami oleh sipenerima dengan mudah. Amalan ini akan dapat meningkatkan penguasaan bahasa, khususnya Bahasa Inggeris. Aktiviti komunikasi dalam internet melalui komputer akan dapat menyediakan pelajar untuk dunia pekerjaan yang akhir-akhir ini banyak menggunakan proses perhubungan telekomunikasi yang canggih (Simonson, 1990).

Komputer telah menjadi sebahagian dari Sekolah Bestari sejak daripada bulan Januari 1999 . Telah pun diumumkan bahawa, semua sekolah menengah akan mendapat akses ke internet menjelang tahun 2000. Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama serta bantuan kepakaran MIMOS, telah melancarkan Projek Jaringan Pendidikan Sulaiman pada tahun 1996. Melalui projek ini, Kementerian Pelajaran telah menyediakan kemudahan dan perkhidmatan rangkaian kepada para pelajar dan pendidik di samping menyediakan program latihan yang berterusan kepada guru-guru. Program ini, walaupun kurang berjaya, tapi sekurang-kurangnya telah dapat memberi pendedahan

awal kepada guru-guru dan pelajar tentang penggunaan dan peranan internet dan komputer kepada dunia pendidikan.

Dalam beberapa tahun lepas, Kementerian Pelajaran Malaysia, melalui Bahagian Pendidikan Guru, telah menjalankan Kursus Dalam Perkhidmatan (14 minggu) Bestari kepada guru-guru di seluruh negara bertempat di beberapa buah maktab perguruan. Guru-guru ini dipilih daripada 90 buah sekolah yang akan melaksanakan kurikulum baru bestari mulai tahun 1999. Dalam kursus ini, guru-guru akan didedahkan dengan pelbagai kemahiran generik termasuklah kemahiran teknologi maklumat yang seterusnya akan menjadi asas dan keperluan utama dalam pembinaan pakej pembelajaran bestari. Para peserta akan berpeluang menjadikan komputer sebagai sumber dan alat penyebaran maklumat yang cepat dan berkesan. Pembinaan pakej pembelajaran berasaskan “ strategi bestari ” tersebut, diharap akan menjadi langkah permulaan dan terbaik ke arah mewujudkan bank aktiviti pembelajaran yang bakal digunakan oleh seluruh warga pendidik di Malaysia khususnya dan dunia amnya.

Sistem pengajaran dan pembelajaran di Malaysia di era globalisasi ini adalah amat berbeza jika dibandingkan dengan sistem yang diguna pakai bagi beberapa dekad yang lampau. Dengan adanya perkembangan yang positif, pantas dan berilmu pengetahuan di dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sistem pendidikan negara telah sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kepesatan perkembangan ICT ini. Dewasa ini, teknologi komputer telah pun diterapkan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains, baik di peringkat universiti, kolej, sekolah menengah mahupun sekolah rendah secara berperingkat-peringkat. Para pendidik di peringkat rendah mahupun di peringkat tinggi, telah mencuba dengan sedaya upaya untuk menggunakan komputer di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memberikan input yang terbaik kepada pelajar-pelajar mereka.

Kepesatan pembangunan di Malaysia dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan pendidikan di peringkat Asia bukan lagi suatu igauan kosong. Tetapi misi dan visi Perdana Menteri kita bukan sahaja di peringkat Asia, malahan beliau mahu Malaysia

menjadi sebuah negara yang gagah dan disegani di peringkat antarabangsa. Bagi mencapai matlamat tersebut, para pendidik perlulah memikul suatu tanggungjawab yang amat besar untuk memastikan pelajar-pelajarnya berjaya meneruskan harapan negara dan seterusnya memastikan misi dan visi Perdana Menteri kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian dan maju pada tahun 2020 akan menjadi kenyataan. Untuk merealisasikan misi tersebut, kita perlu mengadaptasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di era globalisasi ini di dalam semua bidang terutamanya bidang pendidikan. Ini adalah kerana tenaga kerja yang mahir, berteknologi moden, berilmu pengetahuan, mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan kritis, berdaya saing dan celik komputer perlu dilahirkan dari pusat-pusat pengajian tinggi samada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) agar negara kita dapat bersaing di mata dunia. Ini adalah sejajar dengan falsafah pendidikan negara yang mahu melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek, spiritual, emosi dan fizikal.

Tidak dinafikan, perkembangan komputer di Malaysia masih di peringkat awal. Jika dibandingkan dengan perkembangan komputer di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan England ternyata perkembangan komputer di Malaysia baru berumur setahun jagung. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh BECTA (*British Educational Communications and Technology Agency*), komputer telah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di England sejak 30 tahun yang lalu. Manakala di Malaysia, penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains di sekolah-sekolah dilakukan secara berperingkat-peringkat sejak beberapa tahun yang lalu.

Sebelum Malaysia melancarkan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains, Malaysia terlebih dahulu memperkenalkan program celik komputer di beberapa sekolah pilihan. Program ini telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia pada Julai 1992 yang melibatkan 60 buah sekolah di seluruh negara. Ini bolehlah dilihat sebagai langkah awal Malaysia untuk membudayakan teknologi komputer dalam pendidikan negara (Mohd Najib, 2001). Setelah tujuh tahun

membudayakan komputer di sekolah-sekolah pilihan, barulah Malaysia mengisytiharkan untuk melancarkan Sekolah Bestari (*The Malaysian Smart School*) yang memberi pendedahan awal tentang penggunaan komputer dalam pendidikan. Pelancaran Sekolah Bestari ini telah dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia pada Julai 1999 di 90 buah sekolah (Mohd Najib, 2001). Tujuannya adalah untuk memberi pendedahan awal tentang penggunaan komputer kepada pelajar-pelajar agar pelajar dapat mengaplikasikan teknologi ini di dalam kehidupan mereka di masa hadapan.

Beberapa program lain yang berkaitan dengan penggunaan komputer juga dijalankan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti yang dinyatakan di dalam *Computer in Malaysian Schools: Policy and Strategy* (Chan, 2002). Contohnya adalah seperti berikut:

1. Penggunaan internet

Laman web (*Website*) dan Jaring SekolahKu (*My School Net*) telah dibangunkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menambahkan penggunaan komputer dalam pendidikan yang dapat membantu para pendidik dan pelajar mengakses maklumat berkaitan pendidikan.

2. Latihan komputer di sekolah

Latihan komputer untuk melatih tenaga pengajar agar mereka benar-benar mahir, cekap dan berkeyakinan dalam menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk tujuan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggunakan model kasked (*cascade model*) iaitu pelatih-pelatih yang memang ada kepakaran dalam bidang komputer akan dipilih dan dilatih sehingga mereka benar-benar mahir dan kemudiaannya mereka akan melatih para pendidik yang kurang mahir dalam komputer yang dipilih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dari serata Malaysia. Akhirnya pelatih-pelatih yang kurang mahir yang telah dilatih akan melatih teman-teman pendidik di tempat mereka berkhidmat.

3. Program komputer di sekolah-sekolah

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan program komputer di sekolah-sekolah dalam tiga peringkat. Peringkat pertama pembinaan makmal komputer bermula pada bulan Mac 2000 melibatkan 18 buah sekolah di enam buah negeri. Makmal tersebut dapat digunakan sepenuhnya oleh sekolah-sekolah tersebut pada November 2000.

- Peringkat kedua bermula pada November 2000 di mana 2400 sekolah terpilih.
- Makmal komputer telah beroperasi keseluruhannya pada November 2001.
- Peringkat ketiga bermula pada November 2001 dan siap pada suku ketiga 2002.
- Tujuannya adalah untuk memperkenalkan budaya celik komputer di kalangan pelajar dan tenaga pengajar di samping mengurangkan jurang digital di antara pelajar di sekolah bandar dan luar bandar. Program ini juga bertujuan untuk membuat persiapan bagi sekolah-sekolah tersebut mencapai status Sekolah Bestari.

Kerajaan Malaysia bertekad untuk menjadikan semua sekolah di Malaysia sebagai Sekolah Bestari selewat-lewatnya pada tahun 2010. Maka dengan adanya Sekolah Bestari dan program-program yang menggalakkan lagi penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains di sekolah yang dikendalikan oleh pihak kementerian ini secara tidak langsung akan dapat menyediakan tenaga kerja mahir di masa hadapan yang mampu menghadapi cabaran dan saingan di abad ke-21.

Penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains di peringkat tinggi juga adalah tidak menyeluruh dan dalam proses untuk memperluaskan penggunaannya dari semasa ke semasa seperti yang dilaporkan oleh Mohd Shukri (2000). Penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains khususnya di universiti-universiti pula dilihat sebagai suatu tindakan susulan bagi merealisasikan wawasan negara untuk melahirkan generasi yang celik komputer di era globalisasi ini.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melihat komputer sebagai suatu alat untuk merevolusikan pembelajaran, memperkayakan kurikulum, memperkembangkan pedagogi, menstrukturkan organisasi sekolah dengan lebih berkesan, melahirkan hubungan yang lebih kuat di antara sekolah-sekolah dan masyarakat, dan meningkatkan penguasaan pelajar. Konsep komputer dalam pendidikan dari kaca mata Kementerian Pelajaran Malaysia merangkumi tiga polisi utama:

- Komputer untuk semua pelajar, bermaksud bahawa komputer digunakan sebagai sesuatu yang boleh mengurangkan jurang digital antara sekolah.
- Fungsi dan peranan komputer di dalam pendidikan adalah sebagai suatu alat pengajaran dan pembelajaran, sebagai sebahagian daripada subjek tersebut dan sebagai sesuatu subjek tersendiri.
- Menggunakan komputer untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sesuatu sistem pengurusan.

Oleh yang demikian, untuk menyokong pelan induk teknologi maklumat negara dan demi memenuhi Wawasan 2020, sistem pendidikan negara kita perlu melalui suatu proses transformasi bagi melahirkan suatu generasi yang lebih kreatif dan inovatif yang dapat mengadaptasikan teknologi-teknologi baru dan dapat mengakses serta mengiringi kepesatan pembangunan maklumat (Mohd Najib, 2001).

Proses pengajaran memeralatkan ICT menuntut guru berkemahiran dalam membina persembahan dan mengintegrasikan multimedia sekurang-kurangnya menggunakan Powerpoint dengan input-input seperti rakaman suara, memasukkan video, grafik dan bunyi mengikut kreativiti guru. Tidak semua bahan pengajaran telah tersedia untuk digunakan terus. Dengan adanya kemahiran komputer, guru dapat mencurahkan ilmu dan kemahiran dalam subjek masing-masing dan kaedah pengajaran dapat dipelbagaikan. Dengan demikian peralatan-peralatan ICT yang dibekalkan ke sekolah-sekolah tidak menjadi gajah putih yang hanya digunakan untuk membuat soalan-soalan peperiksaan sahaja.

Dapatan kajian oleh Norhayati (2002), menunjukkan penggunaan komputer oleh guru adalah pada tahap yang minima iaitu sekali sekala dalam masa sebulan. Dapatan juga menunjukkan guru-guru kerap menggunakan hanya tiga jenis program iaitu pemprosesan perkataan, mengintegrasikan pemprosesan perkataan dalam pengajaran dan pengurusan fail. Guru-guru jarang menggunakan pangkalan data, persembahan multimedia, persembahan grafik, mel elektronik dan laman web dalam pengajaran.

1.3 Pernyataan Masalah

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sistem pendidikan yang ada sekarang mengandungi banyak kebaikan dan faedahnya. Namun disebalik kebaikan dan faedah terdapat juga bermacam masalah yang timbul. Penggunaan software yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia secara idealnya adalah untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Selain mendedahkan kepada suatu bentuk pengajaran dan pembelajaran yang terkini, ia dianggap menjadi daya tarikan untuk belajar dan juga memudahkan semua pihak khususnya guru, pelajar, ketua panitia, pentadbir, jabatan dan kementerian. Benarkah anggapan ini?

Subjek Matematik, Sains, Sastera, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan banyak lagi dibekalkan di sekolah. Kemudahan laptop dan LCD turut diberikan kepada guru Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Apa yang menghairankan CD software tersebut tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya.

LCD yang dibekalkan amat jarang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Troli yang lengkap dengan speaker, kabel, power dan sebagainya. Apakah

masalah guru di sekolah sebenarnya tentang penggunaan alatan komputer ini? Fobiahkah dengan alatan tersebut? Tidak mahirkah memasang alatan atau sambungan antara alatan? Adakah bekalan elektrik tidak mencukupi? Makmal komputer yang tidak lengkap prasaranakah ? Adakah masalah melibatkan penyelenggaraan komputer termasuk di makmal komputer? Bagaimanakah sokongan daripada pihak pentadbir? Adakah guru-guru dibenarkan menggunakan LCD dan laptop secara bebas? Adakah para guru dibenarkan menggunakan komputer sedia ada di sekolah? Apakah permasalahan antara guru dan permasalahan yang dihadapi oleh pentadbir? Apakah cara untuk mengatasi masalah ini?

Kewujudan makmal komputer di sekolah dirasakan sesuatu perkara yang wajib. Tujuannya untuk membolehkan pelajar dan juga guru menggunakan alatan yang disediakan sepenuhnya. Pelajar dan guru bebas belajar menggunakannya untuk mengakses maklumat, mencari data, meneroka ilmu baru dan sebagainya. Malangnya, hal ini tidak dapat dijalankan sepenuhnya. Apakah masalahnya?

Bagaimana pula dengan persediaan guru di sekolah? Adakah mereka bersedia menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer ini? Mampukah mereka merekacipta persembahan mereka menggunakan word processing seperti Microsoft Power Point dan sebagainya? Bagaimana pula dengan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran secara laman web, adakah mereka sudah ada kepakaran di bidang tersebut? Siapakah yang terlibat dalam pembangunan staf dibidang ini?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau penggunaan komputer di kalangan guru-guru di beberapa buah sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk :

- a. Mengetahui tahap penggunaan komputer di kalangan guru-guru di beberapa buah sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.
- b. Mengetahui sejauh mana guru menggunakan kemudahan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- c. Mengetahui masalah penggunaan komputer di kalangan guru-guru di beberapa buah sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.